

BAB IV

PENEKANAN DAKWAH TARIQAH AHMADIYYAH

DALAM BIDANG ‘AQIDAH DAN SYARI’AT

Pendahuluan

Dalam bab ini perbincangan akan ditumpukan kepada dua aspek penting dalam dakwah kumpulan ṭariqah Ahmadiyyah di Negeri Sembilan. Dua aspek yang dimaksudkan ialah ‘aqidah dan syari’at. Secara umumnya agama (*al-Dīn*) itu dibahagikan kepada tiga rukun. Ini boleh dibuktikan melalui hadith Nabi s.a.w yang di riwayatkan oleh Sayyidina ‘Umar al-Khattāb r.a..

عَنْ عُمَرِ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : بَيْنَمَا
نَحْنُ جَلْوَسٌ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) ذَاتِ يَوْمٍ ، اذْ طَلَعَ
عَلَيْنَا رَجُلٌ شَدِيدٌ بِيَافِعِ الثِّيَابِ ، شَدِيدٌ سُوَادُ
الشَّعْرِ ، لَا يُرَى عَلَيْهِ أثْرُ السَّفَرِ ، وَلَا يُعْرَفُ مَنْ هُوَ
أَحَدٌ ، حَتَّى جَلَسَ إِلَى النَّبِيِّ (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) ، فَاسْنَدَ رَكْبَتَيْهِ
إِلَى رَكْبَتِيهِ ، وَوَضَعَ كَفَيْهِ عَلَى فَخْذَيْهِ
فَانَّهُ جَبَرِيلٌ أَتَاهُمْ يَعْلَمُونَ دِينَكُمْ ... إِلَخ

Dari “Umar bin Khattāb r.a. berkata : Pada satu hari dalam masa kami sedang duduk bersama-sama Rasulullah s.a.w., tiba-tiba muncul kepada kami seorang lelaki : putih berseri pakaiannya, hitam legam rambutnya, tidak kelihatan padanya tanda-tanda musafir, dan tidak ada seorang pun dari kami yang mengenalinya, sehingga dia duduk menghadap Nabi s.a.w., lalu ia menemukan kedua-dua lututnya kepada lutut Nabi s.a.w. sambil meletakkan kedua-dua tapak tangannya keatas kedua-dua pehanya serta berkata : Wahai Muhammad ! Beritahu kepadaku tentang

Islam ? Maka jawab Nabi s.a.w. : Islam itu ialah kamu bersaksi bahawa tiada tuhan disembah melainkan Allah dan bersaksi bahawa Muhammad itu pesuruhNya, dan mendirikan solat, menunaikan zakat berpuasa di bulan Ramadhan mengerjakan haji jika berupaya sampai kepadanya. Lalu dia berkata : Benarlah apa yang kamu katakan. Kata Umar: Maka kami berasa hairan terhadap orang itu- Dia bertanya dan dia membenarkan. Kemudian dia bertanya lagi : beritahu kepadaku tentang Iman, jawab Nabi s.a.w. : Iman itu ialah kamu percaya kepada Allah, MalaikatNya, Kitab-KitabNya, Rasul-RasulNya, Hari Qiamat dan ketentuan baik dan burukNya. Dia berkata Benarlah apa yang kamu katakan :Kemudian dia bertanya lagi : Beritahu kepadaku tentang Ihsan, maka jawab Nabi s.a.w. : Ihsan itu ialah kamu beribadat kepada Allah seolah-olah kamu melihatNya, jika engkau tidak dapat melakukan yang demikian maka ingatlah bahawa Allah itu melihat memerhatikan kamu... (hingga akhir) Maka sesungguhnya dia adalah Jibrail a.s., dia datang kepada kamu dan mengajarkan kepada kamu tentang agama kamu...¹

Berdasarkan kepada hadith ini, jelas kepada kita bahawa rukun agama itu ada tiga iaitu Islam, Iman dan Ihsān. Rukun Islam itu ialah perlakuan ‘amali dalam ibadat, *mu’amalat*, perkara-perkara ibadat yang ditekankan kepada aspek-aspek *zāhiriyah* dan *jasmāniyyah*. Maka para ‘ulamā’ memberikan istilah-istilah dengan menisbahkannya dengan nama *syari’at* atau dikenali juga dengan ilmu *fiqh*. Perkembangan pengajiannya sejajar dengan perkembangan dua lagi cabang ilmu Islam yang lain iaitu ilmu *tauhid* dan *tasawwuf*. Para ‘ulamā’- ‘ulamā’nya dikenali sebagai ahli *fiqh* (*fuqahā’*).

Rukun Iman pula adalah *i’tiqād* hati atau pegangan dan kepercayaan hati bermula daripada beriman dengan Allah Ta’ala, para MalaikatNya, Kitab-kitabNya, para RasulNya, beriman dengan hari Qiamat dan Qada’ baik dan buruknya. Ilmu yang berkait

dengan ‘aqīdah ini dikenali dengan nama ilmu *tauhid* dan ilmu kalam. ‘Ulamā’-‘ulamā’nya dikenali sebagai ahli kalam atau golongan *mutakallimīn*.

Manakala rukun Ihsān pula ialah, yang membincangkan tentang usaha menghidupkan hati iaitu sehingga sampai kepada perkataan apa yang disebut oleh nabi s.a.w. dalam hadith itu : *kamu menyembah Allah seolah-olah melihatnya, jika sekiranya kamu tidak dapat melihatnya maka sesungguhnya Dia melihat kamu*. Perbahasannya meliputi *ahwāl, dhawq, jadhbah, maqāmat irfaniyyah*, dan berbagai aspek-aspek lain yang berkaitan.

Hasil dari perkembangan ilmu ini, wujudlah ilmu yang dinamakan *ilmu tasawwuf, ilmu hati, ilmu khusyu'*, *ilmu tarīqah, ilmu bātin* dan seumpamanya. Dari sini muncullah pengistilahan, perbahasan serta perbincangannya oleh para ‘ulamā’ Islam khasnya. Dan ‘ulamā’nya dikenali sebagai ‘ulamā’ sufiyyah dan ‘ulamā’ tarīqah. Ketiga-tiga bidang ini secara mudahnya bolehlah difahami sebagaimana yang dinyatakan oleh Syaykh ‘Abd Samad al-Falembāngi di dalam kitabnya :

berkata sayyidinā ‘Abd Qādir al-‘Idrūs di dalam kitabnya yang bernama al-Dārr al-Thamin, ketahuilah olehmu bahawa segala ilmu yang dituntut akan dia fardhu ‘Ain itu tiga perkara : pertama : Ilmu Tauhid, dinamakan dia ilmu Usūl al-Dīn, kedua ilmu syara’ yang dinamakan ilmu fiqh, ketiga ilmu bātin yang dinamakan dia ilmu tasawwuf. Adapun kadar fardhu ‘Ain pada ilmu Tauhid itu maka iaitu mengenal kadar yang mengetahui dengan dia zat Allah Ta’ala, dan sifatnya yang salbiyyah, dan sifatnya yang thubūtiyyah, dengan sekira-kira yang mengesahkan akan Iman ya’ni mengenal barang yang wajib bagi Allah Ta’ala, dan

mustahil baginya dan yang jaiz baginya dan demikian lagi mengenal lagi akan seumpama yang demikian bagi segala Rasul a.s. dan beriman dengan segala yang didatangkan oleh mereka itu...²

Bagaimanapun, istilah *syari'at* sendiri bermaksud agama Islam juga. Ini kerana, *syari'at* bererti, tiap-tiap perkara yang diperundangkan oleh Allah Ta'ala dan ajaran Islam seluruhnya. Sumbernya adalah wahyu Allah samada yang berbentuk wahyu yang dibaca iaitu al-Qurān atau yang tidak dibaca iaitu Sunnah Nabi s.a.w. Ia merangkumi hukum-hukum *fiqh*, hukum-hukum *'aqidah*, hukum-hukum akhlak, *Ihsān* dan seterusnya. Bagaimanapun para 'ulamā' memberi pentafsiran yang berbeza-beza mengenai istilah *syari'at*, *'aqidah* dan *haqiqat* ini.

Hubungan antara *syari'at*, *'aqidah* dan *haqiqat* itu seumpama seseorang yang mendirikan solat. Dalam pengertian *syari'atnya*, solat itu ialah satu ibadat yang bermula daripada takbiratul ihram dengan rukun-rukunnya dengan amalannya bacaan-bacaannya dan perbuatannya sehingga selesai dengan memberi salam. Manakala *'aqidahnya* adalah, beri'tiqad dan berniat bahawa yang disembah itu adalah Allah Ta'ala, dengan penyerahan yang sebenarnya. Erti *haqiqat* di sini ialah, hadir hatinya beserta Allah Ta'ala di dalam solatnya itu tadi supaya jadi khusyu'. Inilah yang dikatakan Ruh solat manakala *syari'at* itu tadi dinamakan sebagai Jasad solat.³ Oleh itu tubuh solat itu ialah jasadnya dan ruh solat itu adalah khusyu'. Jadi bagaimana mungkin ruh tanpa jasad atau sebaliknya.

Inilah perumpamaan yang paling mudah bagaimana hubungan antara *syari'at*, '*aqidah* dan taṣawwuf itu. Sebab itulah ‘ulamā’ taṣawwuf menyatakan bahawa iman yang sempurna itu ialah, menghimpunkan antara *syari'at* dan *haqiqat* sebagaimana yang ditunjukkan oleh Nabi s.a.w. Untuk sampai kepada iman yang kamil, maka tidak dapat tidak seseorang ṣalik mesti melalui perjalanan ‘ulamā’-‘ulamā’ ūfiyyah atau ahli-ahli tariqah.

Antara jalannya, *mujahadah* nafsu dengan menghilangkan sifat-sifat tercela (*madhmūmah*) kepada sifat-sifat yang terpuji (*mahmūdah*), peningkatan *maqāmat* yang sempurna melalui perdampingan dengan para syaykh yang *mursyid*, yang boleh menyampaikan *syari'at* kepada *haqiqat*. Dr Jahid Hj Sidek pula menyatakan bahawa ;

...apabila seseorang itu beramal dan menghayati ilmu taṣawwuf atau tariqah, bermakna ia telah mengamal dan menghayati ketiga-tiga ilmu iaitu tauhid, fiqh dan tasawwuf atau tariqah sekaligus. Ilmu tauhid dan fiqh itulah aspek zahirnya (*syari'atnya*), sedangkan tasawwuf dan tariqah itulah aspek batinnya. Sebab itulah tariqah tidak boleh dipisahkan dengan *syari'at* kerana kedua-duanya berkait rapat. Tegasnya tanpa *syari'at* maka pasti tidak ada tariqah.⁴

Syari'at itu adalah asasnya, tariqah itu adalah wasilahnya dan *haqiqat* itu adalah buahnya. Inilah tiga perkara yang saling menyempurnakan antara satu sama lain. Sesiapa yang berpegang dengan *syari'at* dan berjalan dengan jalan tariqah maka sampailah ia kepada buahnya atau matlamatnya. Inilah kaedah ahli-ahli ūfiyyah yang mashyur iaitu ‘setiap *haqiqat* yang membelakangkan *syari'at* maka jadilah ia zindiq’.

Syaykh Ahmad Zarruq menegaskan lagi hubungan pentingnya *syari'at* dan *haqiqat* ini dengan berkata :

لَا تَصُوفُ إِلَّا بِفَقْهَةٍ، إِذْ لَا تَعْرِفُ أَحْكَامَ اللَّهِ
الظَّاهِرَةِ إِلَّا مِنْهُ. وَ لَا فَقْهٌ إِلَّا بِتَصُوفٍ إِذْ لَا عَمَلٌ
إِلَّا بِصَدْقٍ وَ تَوْجِهٍ لِلَّهِ تَعَالَى . وَ لَا هُمَا (التَّصُوفُ
وَ الْفَقْهُ) إِلَّا بِإِيمَانٍ، إِذْ لَا يَصْحُ وَاحِدٌ مِنْهُمَا
دُونَهُ . فَلِزْمُ الْجَمْعِ لِتَلَازِمِهَا فِي الْحَكْمِ، كَتَلَازِمِ
الْأَجْسَامِ لِلأَرْوَاحِ، وَ لَا وُجُودُهَا إِلَّا فِيهَا ، كَمَا لَا
حَيَاةٌ لَهَا إِلَّا بِهَا ، فَافْهُمْ

Janganlah kamu bertaṣawwuf melainkan dengan fiqh, kerana hukum-hukum Allah yang zāhir itu tidak akan diketahui melainkan dengan fiqh, dan janganlah kamu (beramal) dengan fiqh melainkan dengan taṣawwuf, kerana tidak dinamakan beramal, selain disaksikan kebenarannya ketika berhadapan dengan Allah Ta'ala (dengan taṣawwuf). Dan tiadalah kedua-duanya melainkan dengan Iman kerana tiada sah keduanya tanpa salah satu antaranya, Maka lazimkanlah menghimpunkan kedua-duanya dalam sesuatu hukuman atau perkara, sebagaimana talazzumnya jasad dan ruh, tiada wujud (ruh) dalamnya (jasad), sebagaimana tiada hidup (jasad) melainkan dengannya (ruh), maka fahamilah...⁵

'Aqidah dan Syari'at

Bidang 'aqidah dan syari'at adalah merupakan dua bidang yang amat penting dalam penyebaran dakwah Islāmiyyah. Apatah lagi di dalam ilmu taṣawwuf dan perjalanan ḥaqqah - ḥaqqah ṣufiyyah, para 'ulamā'- 'ulamā' sufi sangat menekankan pentingnya ilmu *tauhid* ('aqidah) dan *fiqh* (syari'at). Mereka menyifatkan bahawa taṣawwuf itu adalah peningkatan kepada 'aqidah dan syari'at.

Ini bererti bahawa pengajian ilmu taṣawwuf itu bersumberkan kepada ajaran-ajaran *tauḥīd* dan *fiqh* yang juga datangnya daripada al-Qurān dan al-Sunnah. Pengasas tarīqah Ahmad iyyah iaitu Sayyidi Ahmad bin Idrīs r.a. menegaskan bahawa perjalanannya tarīqah Ahmad iyyah ini adalah benar dari jalan al-Qurān dan Sunnah Nabi s.a.w. Beliau menyatakan :

طريقتى كتاب الله وسنة رسول الله صلى الله عليه وسلم

Tarīqatku berpegang dengan Kitab Allah (al-Qurān) dan Sunnah Rasulullah s.a.w.⁶

Sayyidi Ahmad bin Hj Muhammad Sa'īd pula menambah dalam kitabnya menerangkan :

...tiap-tiap tariq yang tidak bertentangan dengan syar'i'at samada pada zāhir atau bātin dan tiap-tiap tarīqah ada mempunyai beberapa amalan wirid, dhikir dan Ahzāb disamping mempunyai adab dan peraturan dalam latihan jasmani dan membersihkan hati dengan perjalanan ilmu tasawwuf...⁷

Beliau seterusnya menegaskan bahawa ini bererti tarīqah itu adalah satu-satunya ibadat yang telah diamanahkan oleh Allah ke atas hambanya sesuai dengan firman Allah :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّةِ وَالْإِنْسَانَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.⁸

Sayyidī Ibrāhīm Rāsyidi r.a. menegaskan bahawa perjalanan ḥarīqah Ahmad īyyah ini sangat menekankan aspek-aspek ‘aqīdah dan perjalanan syārī’at. Manakala taṣawwuf dan amalan-amalan ḥarīqah - ḥarīqah ṣufiyyah itu mendorong peningkatan amalan dalam syārī’at. Beliau menegaskan :

و همّتنا و مرادنا في هذه آية جماعة يكونون بلا دين مثل تارك الصلاة والزكاة والصوم وما بقيا من امور الدين فـأـيـن لـلـتـارـك لـدـعـائـم الـاسـلام وـما انضـمـا إـلـيـهـا مـنـ دـيـنـ وـيـؤـمـرـ بـمـاـ فـرـضـ عـلـيـهـ وـالـحـافـظـةـ وـالـعـزـمـ عـلـىـ عـدـمـ التـضـيـعـ وـالـاشـتـغالـ بـذـكـرـ اللهـ حـسـبـ الطـاقـةـ وـالـحـافـظـةـ عـلـىـ بـعـدـ السـنـنـ إـلـىـ أـخـرـ مـاـ قـالـ

Tujuan dan maksud kami ialah menunjukkan, memandu golongan yang tiada beragama, sesudah mereka menerima wirid-wirid ḥarīqah ini, mereka itu ialah seperti orang yang meninggalkan sembahyang, zakat, puasa dan kewajipan agama yang lain, orang yang meninggalkan rukun-rukun agama tidaklah boleh dikatakan beragama, maka orang yang seperti itu diarahkan supaya mendirikan fardhu-fardhu dan menjaga supaya tidak meninggalkannya dan berusaha pula untuk melakukan dhikr Allah setakat yang terdaya serta melazimkan beberapa ibadat yang sunat.⁹

Syaykh Ṣoleh al-Ja‘afari menyatakan kepentingan syārī’at dan ‘aqīdah serta hubungannya dengan ilmu taṣawwuf atau ḥarīqah dengan katanya;

فالشريعة أن تعبده والطريقة أن تقصده
والحقيقة أن تشهده وكانت الشريعة أقواله
والطريقة افعاله والحقيقة أحواله ...

*Maka adalah syari'at itu menyembahNya, tariqah itu menyatakan
dan haqiqat itu menyaksikannya dan adalah syari'at itu perkataan, tar-
iqah itu adalah perbuatan dan haqiqat itu adalah ahlwāl...¹⁰*

Antara penjelasan yang sering dinyatakan oleh 'ulamā'-'ulamā' sufiyah ialah bahawa tarīqah - tarīqah yang diamalkan oleh mereka ini, tidak lari dari landasan al-Qurān dan al-Sunnah. Ini adalah sebagai dalil bahawa tasawwuf itu adalah dari ajaran Islam dan dari amalan Rasulullah s.a.w. Mereka ini sebenarnya berpegang dengan ajaran *syari'at* Islam dan *'aqidah* yang kukuh. Syaykh Sahl al-Tusturi menyatakan :

أصول طریقنا سبعة : التمسک بالكتاب،
والاقتداء بالسنة وأكل الحلال، وكف الأذى،
وتجنب المعااصي، ولزوم التوبة، واداء الحقوق

Asas tarīqah kami tujuh perkara , berpegang dengan al-Kitab (al-Qurān), mengikut Sunnah (Nabi s.a.w.), memakan yang halal, memenuhi keperluan sehari-hari, menjauhi maksiat, melazimkan taubat dan menunaikan hak-hak (yang wajib).¹¹

Syaykh Abū Qāsim Junaid al-Baghdādi menegaskan lagi :

من لم يحفظ القرآن ولم يكتب الحديث لا يقتدى به في هذا الأمر، لأن علمنا هذا مقيد بأصول الكتاب والسنة

Barangsiapa yang tidak menghafaz al-Qurān dan tidak mengetahui tentang ḥadīth Nabi s.a.w. janganlah kamu mengikutinya dalam urusan ini (tarīqah), ini adalah kerana ilmu kami (orang-orang sufi) berpegang dengan isi-isи al-Kitab(al-Qurān) dan Sunnah (Nabi s.a.w.)¹²

Berkata Syaykh ‘Abd Wahid Yahyā¹³ :

*فَالشَّرِيعَةُ الْصَّحِيحةُ هِيَ أَلَّا سَاسُ الَّذِي لَا يَدْعُ مِنْهُ
لِكُلِّ سَالِكٍ، فَلَا يَمْكُنُ طَرْحُ الشَّرِيعَةِ بَعْدَ سُلُوكِ
الطَّرِيقِ*

Maka syarī‘at yang sahih ialah asas yang tidak dapat mesti ada pada seseorang salik, mana mungkin ia membuang syarī‘at selepas ia menjalani tarīqah..¹⁴

Seperti yang telah diterangkan, syarī‘at dan tasawwuf adalah bersumberkan Al-Qurān dan al-Sunnah, kedua-duanya adalah daripada ajaran Islam yang suci. Tasawwuf tidak boleh terlepas dari ikatan dan kawalan syarī‘at, tetapi kedua-duanya adalah sempurna dan menyempurnakan antara satu dengan lain di dalam usaha seseorang salik yang menuju ke jalan Allah. Tidak ada tarīqah dan tasawwuf tanpa adanya syarī‘at.

Jika ada orang mendakwa bahawa tarīqah dan tasawwuf sudah memadai untuk sampai kepada Allah kerana ketinggian martabatnya, dengan sebab itu tidak perlu kepada peraturan dan syarī‘at, tambahan pula syarī‘at itu hanya dianggap ilmu kulit dan layak untuk orang awam sahaja. Sedangkan ilmu tarīqah itu hanya untuk orang-orang yang khusus, yang sudah terlepas dari syarī‘at, adalah tidak benar sama sekali pernyataan itu.

Jika beginilah bentuk dakwaan dan asas pemikiran, maka pendapat ini adalah lahir daripada kejahanan tentang konsep tasawwuf yang sebenar. Atau juga pendapat seperti itu diutarakan dengan tujuan untuk merosakkan Islam dari dalam dengan menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal. Tujuan ini adalah semata-mata untuk memenuhi kehendak nafsu yang dipengaruhi oleh syaitan. Atau juga bertujuan untuk melahirkan golongan *zindiq* di kalangan umat Islam, cara ini akan merosakkan ‘*aqidah* dan *syari’at* sehingga umat Islam berpecah belah, *syari’at* Islam terbatal dan kesucian Islam tercemar.

Oleh itu, untuk menjaga *syari’at* dan ‘*aqidah* di kalangan murid-muridnya, maka para syaykh *tarīqah* Ahmadīyyah telah melakukan beberapa tindakan. Antaranya ialah mengarang beberapa kitab yang menekankan kepentingan antara *syari’at*, ‘*aqidah* dan tasawwuf. Antara syaykh *tarīqah* Ahmadīyyah di Negeri Sembilan yang aktif mengarang kitab-kitab, adalah Syaykh Ahmad bin Muhammad Sa‘id.

Dalam kitab karangannya, beliau meletakkan ajaran *syari’at* dan *haqīqat* itu adalah mesti diamalkan dalam penghayatan ibadat. Malahan Syaykh Ahmad menyifatkan *syari’at*, ‘*aqidah* dan tasawwuf itu saling melengkapi antara satu dengan lain seperti katanya :

...para ‘ulamā’-‘ulamā’ yang mengatakan bahwa tiada sah berhadapan dengan Allah, samada dengan sembahyang atau lainnya, seperti berdhikir melainkan orang yang bersih daripada sifat-sifat keji yang zahir dan batin dengan alasan bahawa tiada sah sembahyang orang yang ada najis yang tiada dimaafkan pada pakaian atau tubuh badan atau jika ia tidak membasuh salah satu daripada anggota wudu ‘nya

ketika berwudu', orang yang gagal mensucikan dirinya bererti ia hanya sekadar sembahyang tetapi tidak sembahyang dalam erti kata sebenar...¹⁵

Syaykh Ahmad dengan tegasnya menasihati para pengikut Ahmad'iyyah di Negeri Sembilan supaya menuntut ilmu *syari'at* atau ilmu *fiqh*. Ini adalah kerana dengan mempelajarinya, ia dapat meningkatkan amalan ibadat. Amalan taṣawwuf itu sendiri adalah peningkatan kepada *syari'at* dan *'aqidah*.

Syaykh Ahmad sebenarnya adalah seorang 'ulamā' yang 'alim dalam bidang *syari'at* sehingga dalam menerangkan perkara-perkara dan amalan dalam taṣawwuf, beliau membawakan kaedah-kaedah fiqh (*qawā'id al-Fiqhiyyah*). Ini dinyatakan dengan jelas dalam tulisannya :

...seseorang itu wajib belajar untuk mengenal dan mengelakkan diri daripada sifat-sifat keji dan menegah daripada dapat masuk ke dalam perjalanan Allah supaya sembahyangnya menjadi sah. Ini adalah dari sudut kaedah :

مَا لَا يَتَمَ الْوَاجِبُ إِلَّا بِهِ فَهُوَ وَاجِبٌ

...yang bererti mana-mana perkara yang tidak sempurna amalan wajib tanpanya maka perkara itu adalah wajib, Maka tidak syak lagi menghapuskan segala penyakit batin seperti kasihkan dunia, kibr, 'ujub, ria', hasad, haqad, ghayl, nifaq dan takabbur adalah wajib seperti yang ditegaskan oleh hadith-hadith yang mengharamkan perkara-perkara ini dengan amaran siksa neraka kepada orang yang melakukannya...¹⁶

Syaykh Ahmad dalam kitabnya awal-awal lagi telah menerangkan kedudukan *syari'at* dan *'aqidah* dalam perjalanan ḥarīqah Ahmadīyyah yang dipimpinnya. Beliau telah menolak beberapa dakwaan yang menyatakan bahawa amalan ḥarīqah ini tidak mementingkan perkara-perkara asas *syari'at* dan *'aqidah*. Beliau berkata:

*Hendaklah diakui bahawa ḥarīqah Ahmadīyyah sekali-kali tidak melarang ahlinya mempelajari fardhu 'Ain dan 'Aqā'id al-Imān, kerana ḥarīqah ini sentiasa mengikut perjalanan al-Salafus al-Solihin dan 'ulamā'-ulamā' tasawwuf yang memang menggalakkan supaya seseorang itu mempelajari ajaran-ajaran fardhu 'ain di dalam *syari'at* dan *'aqidah*.¹⁷*

Penekanan para syaykh ḥarīqah Ahmadīyyah terhadap murid-muridnya dalam bidang *syari'at* dan *'aqidah* bukan sahaja sebelum menceburi amalan ḥarīqah ini, malahan penekanannya semakin meningkat selepas mereka mengamalkan *dhikir* dan *awrād* dalam ḥarīqah Ahmadīyyah. Ini dijelaskan oleh Syaykh Ahmad dengan katanya:

Dan janganlah dituduh pula bahawa mereka yang sudah menerima dan beramal dengan ḥarīqah ini enggan mempelajari fardhu 'ain dan aqāid al-Imān kerana apa yang saya lihat mereka ini mempelajarinya dan bertanya kepada ahli-ahli ilmu apa-apa masalah yang berhubung dengan Tauhid dan Fiqh dan mereka itu tidak sekali-kali lalai daripada dhikrullah.¹⁸

Dari kenyataan beliau ini, nyatahal bahawa sememangnya amalan-amalan dalam perjalanan ḥarīqah Ahmadīyyah ini adalah bersandarkan dari kaedah-kaedah *syari'at* dan *'aqidah*. Pemerhatian Syaykh Ahmad sendiri terhadap murid-muridnya yang meneruskan

pengajian fardhu Ain dalam *tauhid* dan *fiqh* adalah juga berdasarkan kepada keadaan masyarakat umat Islam di Negeri Sembilan ketika itu.

Sebagai seorang Mufti Kerajaan Negeri Sembilan dan juga seorang syaykh yang memimpin ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan, beliau sentiasa menjadi rujukan umum berhubung dengan masalah agama. Justeru inilah yang menyebabkan beliau memberi pendapat seperti tersebut. Bukti pemerhatian beliau ini disokong oleh kenyataan berikut :

...beliau amat gemar menjawab semua surat-surat yang dihantar kepadanya tanpa tangguh-tangguh. Surat-surat 'alim ulama' tempatan, pemerintah serta orang ramai biasanya mengandungi pertanyaan-pertanyaan hukum syara', dasar-dasar 'aqīdah dan lain-lain...¹⁹

Maka jelaslah kepada kita bahawa para guru-guru dalam ḥarīqah Ahmadīyyah ini sebenarnya menekankan kepentingkan ajaran *syārī'at* dan *fiqh* dalam melaksanakan amalan-amalan tasawwuf. Perkara seperti ini bukan sahaja berlaku dalam ḥarīqah Ahmadīyyah, bahkan seluruh masyayikh ḥarīqah -ḥarīqah menerangkan kefahaman dan kepentingan ḥarīqah dari segi 'aqīdah dan *syārī'at*. Bahkan lebih jauh lagi, mereka menjurus kepada penghayatan *syārī'at* dan 'aqīdah itu dalam amalan dan kehidupan seharian.

Dalam ibadat solat misalnya, para murid tarīqah Ahmadīyyah diajarkan supaya menyempurnakan solat yang zahir dan yang batin. Maksudnya sempurnakan *syari'at*, *'aqidah* dan *haqiqat* solat itu. Maksud *syari'at* di sini ialah rukun-rukun solat dan perkara yang berkaitan yang ditetapkan oleh *syari'at*. Mereka diajarkan dengan betul bacaan-bacaan dalam solat, perbuatan-perbuatan dalam solat, menyempurnakan rukun-rukun dalam solat.

Mereka juga disarankan supaya mentauhidkan Allah semata-mata. Meyakinkan bahawa hanya Allah sahaja yang disembah sebagaimana dalam bacaan doa *iftitah* :

ان صلاتي ونسوكى ومحبى ومماتى لـلـه رب العالمين

sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, tuhan sekalian alam.

Haqiqat atau batin solat yang dimaksudkan itu pula ialah penyerahan diri bahawa mengingatkan Allah dalam solat adalah tujuan kita semata-mata. Solat juga disempurnakan dengan khusyu' dan penyerahan yang bulat pada Allah. Ini adalah sebagaimana yang dinyatakan oleh salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w. apabila ditanya kepadanya, bagaimanakah keadaan solatnya. Maka di jawab oleh Hatim al-Asham r.a. berkata :

...apabila masuk waktu solat, aku sempurnakan wudhu' dan pergi ke tempat yang telah kuniatkan untuk solat. Sampai di sana aku duduk di tempat tersebut sehingga khusyu' seluruh anggota badanku. Kemudian

aku berdiri untuk solat dengan meletakkan Kaabah(seolah-olah) di sebelah kananku, neraka (seolah-olah) di belakangku; aku anggap solat ini adalah yang terakhir kalinya yang dapat kulakukan, kemudian aku berdiri dengan penuh harap dan cemas. Dengan berhati-hati kemudian aku bertakbir, Allahu Akbar! Ku baca ayat-ayat al-Quran dengan syahdu, ruku' dengan rasa penuh rendah diri, sujud dengan hati yang khusyu', aku duduk di atas punggung kaki kiri dengan tapak kaki kanan tegak tertumpu di atas ibu jari. Aku lakukan semuanya dengan hati yang ikhlas. Kemudian aku menduga-duga, apakah solatku ini Engkau terima atau tidak ya, Allah...²⁰

Demikianlah keadaan para sahabat-sahabat Nabi s.a.w. apabila hendak melakukan solat. Keadaan ini juga terjadi kepada baginda Nabi s.a.w. Saidatinā ‘A’ishah meriwayatkan :

Rasulullah biasa bercakap-cakap dengan kami, dan kami pun bercakap-cakap dengan baginda. Tetapi apabila masuk waktu solat nampak seolah-olah baginda tidak mengenal kami dan kami juga tidak mengenalnya. Hal ini terjadi kerana seluruh perhatian tercurah kepada kebesaran Allah. Rasulullah s.a.w. sendiri bersabda, Allah tidak memperhatikan solat seseorang yang tidak diikuti oleh kehadiran batin.²¹

Murid-murid dalam ḥaqqah Ahmad iyyah juga telah diajarkan bagaimana menyempurnakan amalan *syarī’at*, *aqīdah* dan ḥaqqah sekaligus dalam amalan berpuasa. Mereka diajarkan bahawa puasa seseorang itu akan terbatal menurut *syarī’at* apabila dia makan, sebaliknya dalam ilmu taṣawwuf, mengumpat juga akan membatalkan puasa. Sekiranya hati dan jiwynya berpaling dari Allah, maka batallah puasanya menurut *haqīqat*.

Oleh yang demikian, maka sering kita dengari dalam pengajian-pengajian agama dan syarahan-syarahan guru-guru agama. Puasa itu dibahagikan kepada tiga peringkat, pertama, peringkat puasa orang-orang awam, kedua peringkat puasa khas bagi orang yang berjalan menuju kepada Allah dan ketiga puasa khas bagi orang yang khusus. Inilah antara contoh-contoh bagaimana hubungan ketiga-tiga bidang agama ini tadi.

Jelas di sini bahawa, *syari'at* itu adalah asas, '*aqidah*' dan *tariqah* itu adalah *wasilah*, dan *haqiqat* itu adalah buahnya. Inilah tiga perkara yang menyempurnakan ibadat seseorang salik. Mereka yang berpegang dengan yang pertama dan berjalan dengan perkara yang kedua dan seterusnya sampailah dia kepada perkara yang ketiga tanpa mendahului atau mengurangi antara satu sama lain. Imām Mālik r.a. berkata :

مَنْ تَصُوفَ وَلَمْ يَتَفَقَّهْ فَقَدْ تَزَنَّدَ، وَمَنْ تَفَقَّهْ وَلَمْ
يَتَصُوفَ فَقَدْ تَفَسَّقَ، وَمَنْ جَمَعَ بَيْنَهُمَا فَقَدْ تَحَقَّقَ

Barangsiapa bertasawwuf tanpa fiqh maka sesungguhnya ia zindiq, dan barangsiapa beramal dengan fiqh tanpa bertasawwuf sesungguhnya dia fasiq, dan barangsiapa yang menghimpunkan antara keduanya maka sesungguhnya dia sampai kepada haqiqat.²²

Zindiq yang pertama dalam kata-kata Imām Mālik, ialah kerana seseorang itu hanya memandang *haqiqat* semata-mata tanpa melihat *syari'at*, seperti mana golongan Jabariyyah yang menyatakan bahawa sesungguhnya manusia itu tiada pilihan (ikhtiar) dalam sesuatu perkara dan kehidupannya. Manakala fasiq yang dimaksudkan ialah kerana seseorang itu tidak ada di dalam hatinya *nūr taqwā*, rahsia-rahsia ikhlas dan pengajaran-

pengajaran *murāqabah*, jalan (*tarīqah*) yang boleh memandunya, sehingga hatinya terhijab daripada maksiat, dan berpegang dengan sunnah Nabi s.a.w.

Manakala sampai kepada *haqīqat* yang dimaksudkan ialah kerana seseorang itu menghimpunkan semua rukun-rukun agama, iaitu Iman, Islam dan Ihsān sebagaimana yang dinyatakan dalam ḥadith Jibrail a.s. Seperti juga ‘ulamā’-‘ulamā’ zahir yang menjaga hukum-hukum *syari’at*, maka begitulah dengan ‘ulamā’ tasawwuf dan guru-guru *tarīqah* Ahmadīyyah, menjaga adab-adab kerohanian dan batin. Jika para ‘ulamā’-‘ulamā’ *fiqh* dan ‘aqidah mengadakan kaedah-kaedah dalam *fiqh* dan ilmu kalam seperti ijtihād dalam mengistimbangkan dalil-dalil *syari’at* dan membincangkan perkara-perkara *furu’i’iyyah*.

Hukum halal dan haram keatas sesuatu yang perkara yang tiada dalam nas al-Quran dan Sunnah serta mengujudkan banyak istilah-istilah baru dalam bidang ini, maka begitulah halnya dengan golongan ‘ulamā’ tasawwuf dan guru-guru *tarīqah*-*tarīqah* sufiyyah. Bahkan mereka ini lebih menitikberatkan penggunaan nas al-Qurān dan Sunnah yang jelas dalam menyatakan kaedah-kaedah dan pengistilahan dalam ilmu tasawwuf sebagai asas utama. Mereka juga berpegangan dengan adābiyyah dan manhaj untuk mentarbiyyah para murid-murid mereka dan memelihara ‘aqidah dan *syari’at* orang-orang Islam yang menjalani jalan-jalan para sufiyyah ini.

Sesungguhnya telah sepakat para ‘ulamā’ salaf al-ṣoleh dan ‘ulamā’-‘ulamā’ tasawwuf dan *al-Sadiqun* bahawa pengibadatan yang sebenar dan Islam yang ṣahīḥ ialah apabila terhimpunnya *syari’at*, ḥarāiqah dan *haqīqat*. Maka mereka yang menghimpunkan dan berpegang kepada semua perkara ini dikatakan golongan yang berpegang dengan *syari’at* dan *haqīqat* (*mutasyarri’iyn mutahaqqiqin*) dan menyeru manusia kepada jalan yang sebenar.²³

Maka tidak mungkin wujudnya pembahagian-pembahagian agama. Sebagaimana peringatan Syaykh Ahmad al-Rifa’īe dengan katanya: *Janganlah kamu berkata sebagaimana kata-kata sebahagian ahli sufi “ Kami ahli batin dan mereka ahli zahir.* Agama Islam ini adalah menghimpunkan antara yang zahir dan yang batin. Yang zahir itu adalah *zaraf* bagi batin dan batin itu adalah *zaraf* bagi zahir. Mana mungkin zahir dan batin tidak bersatu.

Sebagaimana jasad dan roh. Jika tiada ruh tidak bergerak jasad, dan begitulah sebaliknya. Hati tidak akan dapat berfungsi jika tiada jasad. Dan begitu juga jika jasad itu rosak, hati itu adalah nur bagi jasad. Inilah ilmu yang sebahagiannya dinamakan oleh ‘ulamā’ sebagai ilmu batin, iaitu ilmu untuk memperelokkan hati. Menurut salah seorang tokoh Ahmadīyyah yang terkenal iaitu Prof Dr. Mahmūd Saēdon menyatakan

...Maka ulama ṣufiyyah berpendapat bahawa ada tiga peringkat atau martabat iaitu amal Islam (tingkahlaku perbuatan Islam), amal Imān (tingkahlaku perbuatan Imān/aqidah) dan amal Ihsān (tingkahlaku

perbuatan Ihsān). Dalam pengertian yang lain pula ialah amal al-Syari'at, amal al-tarīqah, amal al-haqīqat. Syari'at ialah beribadat kepada Allah, tarīqah adalah menuju Allah dan haqīqat adalah Musyāhadah...²⁴

Berdasarkan penjelasan ini, maka tujuan perbuatan dan sempadan-sempadan perbuatan adalah nyata, iaitu *syari'at* bertujuan membetulkan yang *zahir* (*al-zawāhir*), *tarīqah* bertujuan membetulkan yang batin dan jiwa (*al-damā'ir*) serta *haqīqat* bertujuan membetulkan rahsia-rahsia yang tersembunyi (*al-sara'ir*).

Membetulkan yang zahir dengan cara meninggalkan larangan dan mematuhi suruhan Allah, membetulkan yang batin dan jiwa dengan cara membersihkan kedua-duanya daripada segala penyakit hati dan sifat-sifat kekurangan diri (*madhmūmah*) dengan menggantikannya dengan *dhikrullah* dan *tafakkur* serta melahirkan sifat-sifat kesempurnaan hati (*mahmūdah*) dan membetulkan rahsia *haqīqat* ialah dengan cara *murāqabah* kepada Allah dalam setiap lintasan hati, perkataan dan perbuatan.

Antara penekanan lain yang dilakukan oleh pemimpin *tarīqah* Ahmad Iyyah di Negeri Sembilan untuk menekankan kepentingan *syari'at* dan '*aqīdah* ialah menjelaskan pegangan '*aqīdah* yang sahih di kalangan ahlinya supaya bertepatan dengan '*aqīdah* Ahli sunnah wa al-jama'ah. Usaha ini dimulakan dengan menerbitkan beberapa buah buku khusus untuk para pengamal *tarīqah* Ahmad Iyyah dan untuk masyarakat Islam umumnya. Antaranya buku-buku tersebut adalah :

1. I'tiqād Ahli Sunnah Wa al-Jamaāah
2. Peranan Tasawwuf Dan Kerohanian Di Dalam Kehidupan Mukmin
3. Mengenal al - Tarīqah Al- Ahmad iyyah ²⁵
4. Sejarah Perkembangan Tariqah Tasawwuf Dan Persoalan Mengenainya
5. Intisari Aliran Pemikiran Tokoh-Tokoh Tasawwuf²⁶

Kesemua buku-buku ini dikarang oleh pemimpin-pemimpin tarīqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan dan diterbitkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan dan juga Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Perdana Menteri (BAHEIS). Buku-buku ini diedarkan secara percuma dan juga dijual kepada seluruh masyarakat Islam khususnya di Negeri Sembilan.

Ini menunjukkan bahawa usaha-usaha penekanan pemimpin tarīqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan terhadap bidang '*aqidah* dan *syarī'at* ini, bukan hanya semata-mata untuk pengikutnya, bahkan untuk seluruh umat Islam. Sumbangan mereka ini adalah semata-mata untuk keharmonian Islam sahaja tanpa tujuan lain.

Adapun kepentingan bidang '*aqidah* dan *syarī'at* ini bukan hanya ditegaskan oleh pemimpin tarīqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan sahaja, jauh sebelum ini telah ditegaskan oleh Imām al-Ghazālī dalam kitabnya :

أول ما يجب عليه الاعتقاد السليم الخالى عن البدع

Perkara yang mula-mula sekali wajib ke atasnya (orang yang mahu menempuh jalan Allah) ialah i'tiqād yang betul dan bersih dari bid'ah.²⁷

Perkara yang cuba ditegaskan oleh Imām Ghazāli ialah, seseorang yang ingin beramal dengan amalan ḥarāiqah ṣufiyyah, mestilah betul ‘aqīdahnya dari sebarang keraguan. Tidak terkeluar dari ‘aqīdah salaf al-ṣoleh yang juga ‘aqīdah ahli sunnah wa al-Jamā'ah. Ini bermaksud tidak boleh murid-murid yang beramal dengan amalan taṣawwuf ini berpegang dengan ‘aqīdah Mu'tazilah, Jabariyyah, Syi'ah, Qadariyyah, Najariyyah, Murjiah, Musyabbihah dan seumpamanya yang disepakati oleh ‘ulamā' sebagai terkeluar dari garisan ahli sunnah wa al-Jama'ah.

Para ‘ulamā' telah membahaskan dengan terperinci mengenai ahli sunnah wa al-Jamā'ah ini dalam kitab-kitab mereka. Terdapat pelbagai *ta'rif* dan definisi tentang ahli Sunnah wa al-Jamā'ah, oleh beberapa orang pengarang kitab. Bagaimanapun menurut Syaykh Sayyidi Murtadha al-Zabidi dalam kitabnya “*Ittiḥāf Sādatul Muttaqīn*” menegaskan bahawa apa yang dimaksudkan dengan Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah itu secara umum ialah :

اذا أطلق أهل السنة فالمراد به الأشاعة
والماترديه

Apabila disebut Ahl Sunnah wa al-Jamāah maka yang dimaksudkan dengan ucapan itu ialah fahaman atau fatwa yang diajarkan oleh Imam Asy'ari dan Abū Mansūr al-Maturidi...²⁸

Apabila menyatakan tentang ‘aqīdah ahl sunnah wa al-Jamāah ialah fatwa - fatwa dan fahaman yang diajarkan oleh dua orang tokoh yang terkenal dalam bidang *Usūl al-Dīn* atau bidang ‘aqīdah iaitu Al-’Asyā’irah (w. 324 H)²⁹ dan al-Maturidi (w.333 H).³⁰

Sebahagian ‘ulamā’ pula berpendapat, maksud berpegang dengan amalan dan fahaman ahl sunnah wa al-Jamāah ialah pada sisi ‘aqīdah atau *Usūluddīn* berpegang dengan fahaman *Al-’Asyā’irah* atau *al-Mātarudiyyah*, manakala dari segi *syarī’at* atau fahaman *fiqh* pula ialah berpegang dengan salah satu daripada madhab yang empat iaitu Shāfi’ī, Hanafī, Hanbalī dan Mālikī. Inilah beberapa asas yang menjadi pegangan umat Islam seluruhnya masakini.

Selain daripada itu, para pemimpin tarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan juga menerangkan bahawa hubungan *syarī’at* dan tarīqah, adalah seperti satu jalan. Iaitu tarīqah itu adalah berjalan di atas landasan *syarī’at*, dan *syarī’at* itu adalah perbuatan yang di syara’kan. Ini bermakna tarīqah, *syarī’at*, ‘aqīdah dan *haqīqat* merupakan perkara-perkara yang tidak boleh dipisahkan kerana jalan menuju Allah itu ada dua iaitu jalan zahir dan batin.

Perkara zahir itu adalah *syari'at* dan yang batin itu adalah *haqiqat*. Oleh yang demikian inti *syari'at*, *'aqidah* dan *tarīqah* adalah *haqiqat* adalah satu perkara yang sama seperti sari pati susu adalah sari susu juga. Tujuan kesemua ini adalah untuk menegakkan '*ubūdiyyah* seperti yang dikehendaki oleh Allah terhadap hambanya. Syaykh Najmuddin Kubra menjelaskan hubungan kesemua perkara di atas tadi seperti berikut :

*Syari'at seperti kapal, tarīqah seperti lautan dan haqiqat itu seperti mutiara. Sesiapa yang mahukan mutiara (haqiqat) itu, ia (mesti) menaiki kapal (syari'at), kemudian ia belayar (mengharungi) lautan (tarīqah) itu. Kemudian barulah ia sampai kepada mutiara tersebut. Sesiapa yang meninggalkan urutan (perjalanan ini maka ia tidak akan sampai ke mutiara itu).*³¹

Dalam penekanan bidang *syari'at* dan *'aqidah*, kumpulan *tarīqah* Ahmad'iyyah serta pemimpinnya sangat-sangat menekankan pengajaran dan pelaksanaan kedua-dua bidang ini. Tanpa memisahkan keduanya dari amalan *tarīqah*. Menurut mereka lagi, ilmu *taṣawwuf* dan *tarīqah* itu meningkatkan *'aqidah* dan *syari'at* seseorang muslim. Kenyataan ini sama seperti yang ditegaskan oleh Syaykh Najmuddin Kubra.

Jelasnya, mana-mana pengajaran dalam *tarīqah-tarīqah* sufiyyah mesti menerangkan kefahaman dari sudut *'aqidah* dan *syari'at*. Bukan sahaja dari segi kefahaman, malahan dari segi penghayatan. Contohnya, seorang murid dalam *tarīqah* Ahmad'iyyah diarahkan oleh guru-gurunya untuk melakukan '*uzlah* atau *khalwat*, mereka ini akan dipimpin untuk menghayati *taṣawwuf*, *'aqidah* dan *syari'at* sekaligus.

Bagaimana pengajaran Nabi s.a.w. kepada para sahabat rahm, maka begitu jugalah para guru-guru *tarīqah*. Penekanan asas-asas '*aqīdah* dalam diri sahabat-sahabat sehingga Abu Bakar misalnya, membenarkan terus kata-kata Nabi s.a.w. semasa peristiwa Isrā' dan Mi'rāj ke atas diri baginda. Sedangkan golongan *musyrikīn* Mekah menolak mentah-mentah dakwah dan seruan Nabi s.a.w. Begitu juga dengan sebahagian umat Islam dan para sahabat Nabi s.a.w. ketika itu yang *Imān* dan '*aqīdahnya* rapuh terus keluar dari Islam.

Fenomena ini terjadi kerana mereka tidak menghayati '*aqīdah* Islam yang sebenar menerusi hakikatnya. Mereka yang keluar Islam itu, kepercayaannya setakat aqal dan dengan pertimbangan ilmu yang terbatas. Apatah lagi, '*aqīdah* dan keyakinan mereka terhadap dakwah Nabi s.a.w. belum mantap. Sedangkan '*aqīdah* dan kepercayaan Abū Bakar melampaui pertimbangan ilmu dan kefahaman malahan menjangkau kepada *ma'rifat* atau *musyāhadah* melalui ucapan-ucapan Nabi s.a.w.

Menurut pengajaran guru-guru *tarīqah* - *tarīqah* sufiyyah serta guru-guru dalam *tarīqah* Ahmad'iyyah, penghayatan '*aqīdah* dan *syari'at* ini dilaksanakan sehingga sampai terus kepada hakikatnya. Ini dapat dicapai melalui *ta'lim*, dhikir, bimbingan - bimbingan yang khusus seperti menyuruh murid-murid mereka menjalani *khalwat* atau '*uzlah*, mendampingi syaykh memberi khidmat, dan sebagainya.

Oleh kerana itulah kita dapati, murid-murid yang menjalani amalan di dalam tarīqah-tarīqah sufiyyah ini menjaga amalan-amalan *syari'at*, '*aqidah* yang sahih dan memahami hakikat sesuatu amalan yang diterangkan dalam Islam. Contoh yang paling mudah dilihat ialah perbezaan murid-murid yang menjalani pengajian agama yang menekankan aspek *syari'at* dan '*aqidah* semata-mata seperti di institusi pengajian ala pondok di Malaysia.

Kadang kala konsep pendidikan seperti ini lebih menekankan aspek-aspek *syari'at* semata-mata atau penghayatan sunnah Nabi yang *zahir* sahaja. Malangnya mereka ini meninggalkan sunnah Nabi yang *batin*. Contohnya, mereka menekankan bersolat sebaik sahaja masuk waktu, memberatkan tatacara aspek berpakaian seperti memakai jubah, wangian, berserban, bersugi sebelum solat, bercelak, dan banyak lagi perkara *fadail al-'Amal*. Sehingga mereka terlupa kepada sunnah Rasulullah yang lebih penting iaitu sunnah yang batin..

Penulis bukanlah menafikan perkara yang dilakukan itu tidak bagus, akan tetapi perkara -perkara yang lebih *awla'* mestilah dilakukan dahulu. Perkara-perkara asas dalam '*aqidah* dan *syari'at* perlu diutamakan dahulu. Sedangkan dalam Islam mestilah ada konsep *tasammuh* iaitu menyesuaikan hukum-hukum *syari'at* dalam amalan-amalan seharian. Contohnya, pengajaran dalam ilmu *taṣawwuf*, boleh melambatkan solat kerana hari terlalu panas atau tidur seketika kerana terlalu mengantuk, atau makan dahulu kerana dikhuatiri tidak khusyu' kerana lapar, sekali pun telah masuk waktu solat.

Dalam aspek berpakaian, Islam membenarkan memakai apa jua jenis pakaian asalkan menutup aurat dan nampak sopan. Perkara seperti ini bukanlah dikatakan meringan-ringankan hukum *syari'at*, tetapi untuk menyempurnakan sesuatu ibadat. Begitu juga dalam perkara-perkara *'aqidah*, tidak boleh seseorang itu menyangka bahawa dengan melaksanakan segala tuntutan *syari'at*, mereka itu dijamin sebagai ahli syurga. Atau berpendapat bahawa Allah itu akan mengabulkan segala doanya. Atau juga seseorang murid itu yakin, bahawa kesenangan dan kekayaan yang dimilikinya itu adalah hasil usahanya sendiri serta doanya. Dalam ilmu *taṣawwuf* dan *ṭarīqah*, murid-muridnya diajarkan bahawa melakukan ibadat itu adalah kewajipan seseorang muslim.

Allah berkuasa jika mengkehendaki memasukkan hambanya ke dalam neraka, sekali pun taat melakukan suruhannya. Dengan rahmat Allah dan *qudrat*nya, mereka dapat melakukan ibadat. Begitu juga dengan kesenangan dan kekayaan itu datangnya semata-mata daripada Allah. Perkara seperti ini nampaknya agak janggal dalam kepercayaan kebanyakan masyarakat Islam pada hari ini.

Seterusnya penekanan *'aqidah* dan *syari'at* ini dijadikan sebagai sumber utama dalam ilmu *taṣawwuf* dan *ṭarīqah*. Maksudnya di sini ialah dalam masa seseorang murid *ṭarīqah* Ahmad'iyyah itu menjalani amalan-amalannya, kemungkinan beliau akan digangu oleh bisikan-bisikan dari syaitan atau Iblis. Maka murid ini mestilah melaporkan kepada syaykh atau gurunya supaya dapat ditashihkan atau dinafikan khayalan-khayalan

itu tadi. Misalnya, murid yang sedang berdhikir itu, tiba-tiba mendengar bisikan supaya beliau tidak perlu melakukan lagi ibadat-ibadat yang wajib. Seolah-olah beliau sudah sampai pada martabat yang tinggi. Maka murid yang mendapat pimpinan syaykh itu tadi akan menghabarkan pengalamannya kepada gurunya. Dan syaykh atau gurunya itu akan memberi arahan-arahan seperti menyuruh murid itu melupakan bisikan tersebut.

Syaykhnya itu mengetahui bahawa perkara tersebut adalah berlawanan dengan *syari'at* dan *'aqidah* Islam. Ini adalah kerana ajaran yang dibawa oleh Nabi s.a.w. adalah lengkap. Mana-mana peraturan yang ditetapkan dan diwajibkan oleh Allah adalah tidak berubah selama-lamanya. Maka bisikan itu sebenarnya adalah dari Iblis. Oleh sebab itulah maka guru-guru *tarīqah* *sufiyyah* selalu menegaskan akan kepentingan *'aqidah*, *syari'at* dan *tarīqah* atau *tasawwuf*.

Di sini marilah kita merenung kata-kata seorang tokoh *tarīqah* yang terkenal . Al-Sayyid Muhammad Siddiq al-Ghumāri katanya :

*Sesungguhnya sebagaimana yang terdapat dalam hadith (Jibril) itu, agama Islam itu terdiri daripada tiga rukun tersebut (Islam, Imān dan Ihsān). Maka sesiapa yang membuangkan bahagian Ihsān iaitu *tarīqah*, agamanya menjadi kurang tanpa ragu-ragu lagi, ini adalah kerana ia meninggalkan satu rukun daripada rukun-rukunnya (agama). maka tujuan *tarīqah* adalah Ihsān itu, setelah seseorang itu dapat menghayati dengan sebenarnya Islam (*syari'at*) dan Imān ('aqidah).³²*

Ibn Khaldūn r.a menjelaskan lagi hubungan ini dengan katanya :

Ilmu tasawwuf atau ḥarīqah ini merupakan sebahagian daripada berbagai-bagai ilmu syari'at yang benar-benar berlaku di dalam agama. Dan asal ilmu tasawwuf/ ḥarīqah itu ialah wujudnya ḥarīqah golongan ṣufiyyah seperti itu di kalangan angkatan 'ulama'salaf umat Islam dan para tokoh besar mereka di kalangan angkatan para sahabat, tābi'iin dan tokoh-tokoh selepas mereka itu. ḥarīqah mereka itu adalah merupakan ḥarīqah -ul-haq dan hidāyat...³³

Daripada fakta-fakta yang telah dijelaskan tadi, nyatalah bahawa penekanan dakwah ḥarīqah Ahmad iyyah dalam bidang *syari'at* dan *'aqidah* ini adalah kesan daripada pelaksanaan method amalan tasawwuf dan ḥarīqah yang selamanya tidak berpisah daripada kedua-dua bidang ini. Maka jelaslah kepada kita bahawa para guru-guru dan syaykh-syaykh ḥarīqah ṣufiyyah khususnya dalam ḥarīqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan ini tidak mengabaikan kesemua bidang utama dalam agama Islam itu seperti mana intipati sunnah Nabi s.a.w. dalam ḥadith Jibril yang mashyur itu.

-
- ¹ Hadith riwayat Muslim dalam Sahihnya dalam *bab Iman*, Imam Ahmad bin Hanbal dalam Musnadnya dalam bab Iman dan Islam dan Ihsan, Juz. 1 hal. 64
- ² ‘Abd Samad al-Falembāgi, *Hidāyat al-Sālikin*, Matbaah Dar al-Ma’arif, Pulau Pinang, t.t. hal.4
- ³ ‘Abd Qādir Isā, *Haqaiq an Tasawwuf*, Diwani Press, England, 1970, hal. 474
- ⁴ Dr. Jahid Hj Sidek, *Syaykh Dalam Ilmu Tariqah*, Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997, hal. 12
- ⁵ Ahmad Zarruq al-Fasi, *Qawāid al-Tasawwuf*, Matba‘ah Misr, 1318H, hal.3
- ⁶ Ahmad bin Muhammad Sa‘id, *Farāid al-Ma‘thir al-Marwiyyah Li al-Tariqah al-Ahmādiyyah al-Rāsyidiyyah al-Dandarāwiyyah*, Persatuan ‘Ulama’ Malaysia, Selangor, 1936,hal. 22. Lihat Muhammad Sa‘id bin Jamāluddin, *Syarah Kunūz Jawāhir al-Nuraniyyah*, t.t., hal 94
- ⁷ *Ibid*, hal. 23.
- ⁸ Surah al-Zāriyat, ayat 56
- ⁹ *Ibid*, hal. 27
- ¹⁰ Soleh Al-Ja‘fari, *Al-Haq al-Jali*, Dar al-Jawami‘ al-Kalam, al-Kaherah, t.t., hal. 59?
- ¹¹ ‘Abd Halīm Mahmūd, *al-Munqidh Min al-Dalāl Li al-Hujjat al-Islām al-Ghazāli*, Maktabah al-Anglo al-Misriyyah, Qahirah, hal. 164.
- ¹² *Ibid*, hal. 165
- ¹³ Syaykh ‘Abd Wāhid Yahyā adalah salah seorang ahli fikir yang terkenal di dunia, beliau hidup di Perancis dan kemudiannya menghabiskan hayatnya dalam membahaskan idea-idea Islam dan tasawwuf dan menyelami tasawwuf dengan kajianya dan mengamalkannya sehingga beliau dianggap antara cendikiawan pada zaman sekarang. Beliau meninggal dunia di Kaherah pada awal 1960an. Kitab-kitab beliau diterjemahkan dalam pelbagai bahasa. Peninggalan dan jasanya di Barat amat besar sekali sehingga sebahagian besar universiti-universiti di Eropah mengambil sempena namanya dan mengkaji peninggalan dan jasanya dan juga karya-karyanya.
- ¹⁴ *Ibid*, hal. 170.
- ¹⁵ Ahmad bin Muhammad Sa‘id, *op. cit*, hal. 15
- ¹⁶ *Ibid*, hal. 16
- ¹⁷ *Ibid*, hal. 25
- ¹⁸ *Ibid*, hal. 30
- ¹⁹ Haji Hassan Saleh dan Muhammad Nōor Manutu, *Tuan Mufti as-Syaykh al-Haj Ahmad bin al-Syaykh Muhammad Sa‘id al-Dandarāwi (1910-1964)*, Penerbitan TKI, Seremban, 1981, hal. 8
- ²⁰ Imām Ghazāli, *Syarat Batiniah Dalam Ibadat*, Darul Amani, Selangor, 1995, hal. 16
- ²¹ *Ibid*, hal. 14
- ²² ‘Abd Qādir Isā, *loc. cit*. hal. 476
- ²³ *Ibid*, hal. 477
- ²⁴ Prof. Dr. Mahmūd Saēdon Awang Othmān, *Sejarah Perkembangan Tariqah/ Tasawwuf dan Persoalan Mengenainya*, BAHEIS, Kuala Lumpur, 1992, hal. 48-49

²⁵ Kesemua buku-buku ini diterbitkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan sekitar tahun 1991-1993. Antara penulisnya ialah Prof. Dr. Mahmūd Saēdon Awang Ḥothmān dan Sahibus Samahah Dato Mufti Hj Murtadha bin Hj. Ahmad.

²⁶ Kedua-dua kitab ini adalah karangan Prof Dr. Mahmūd Saēdon Awang Othmān, antara tokoh Ahmadiyyah yang aktif mengarang kitab. Beliau juga mempunyai pertalian dengan keluarga Syaykh Ahmad Muhammad Sa'īd.

²⁷ Al-Ghazālī, *Khulasah al-Tasānif fi al-Tasawwuf* (dlm *Majmu'ah Rasā'il al-Imām al-Ghazālī*), Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, t.t. hal. 141

²⁸ K.H. Sirajuddin Abbas, *I'tiqād Ahlussunnah Wal-Jamaāh*, Pustaka Aman Press, Kota Baharu, 1991, hal. 34

²⁹ Nama sebenarnya ialah Abū Hassan ‘Alī bin Ismāīl bin Abī Basyār bin Ishāk bin S'ālim bin Ismāīl bin ‘Abdullāh bin Mūsā bin Bilāl bin Abī Burdah bin Abū Mūsā al-Asy’āri. Abu Mūsā adalah salah seorang sahabat Rasulullah yang terkenal. Lahir pada 260 H dan wafat pada tahun 324 h.

³⁰ Nama sebenarnya ialah Muhammad bin Muhammad bin Mahmūd Abū Mansūr al-Māturidi. lahir di Samarqand dan wafat pada 333 H.

³¹ Al-Hakīm Abū ‘Abdullāh Muhammad bin ‘Alī al-Hassan, *Khatm al-Awliyā'*, al-Khatulukiyyah, Beirut, t.t., hal. 576

³² Ahmad Siddīq al-Ghumārī, *al-Intisār Li al-Tariq*, Dar al-Ta'lif, Kaherah, t.t., hal. 6

³³ Ibn Khaldūn, *Muqaddimah*, Jil., Lajnah al-Bayan al-‘Arabi, Beirut, 1960. hal. 582